

CABARAN BADAN KERAJAAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DALAM ISU PERKAHWINAN BAWAH UMUR DI SABAH

CHALLENGES OF GOVERNMENTAL AND NON-GOVERNMENTAL ORGANIZATION (NGO) IN THE ISSUES OF CHILD MARRIAGE IN SABAH

Atira Anissa Rosli¹
Jalilah Md Shah^{2*}
Roben Well³

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mail: ma191151t@student.ums.edu.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(Email: jalilah@ums.edu.my)

³ Pacos Trust, Sabah, Malaysia, (E-mail: robenwell17@gmail.com)

* Cooresponding author: Jalilah Md Shah (jalilah@ums.edu.my)

Article history

Received date : 20-09-2025

Revised date : 21-09-2025

Accepted date : 12-12-2025

Published date : 15-1-2026

To cite this document:

Rosli, A. A., Md Shah, J., & Well, R. (2025). Cabaran badan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam isu perkahwinan bawah umur di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 1026 – 1035.

Abstrak: Artikel ini membincangkan cabaran yang dihadapi oleh badan kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menangani isu perkahwinan bawah umur di Sabah dengan menumpukan kepada cabaran dalaman dan luaran yang mempengaruhi keberkesanan intervensi isu ini. Data dalam kajian ini dikutip menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk penerokaan melalui kaedah temu bual separa berstruktur dengan tujuh orang informan daripada lima agensi kerajaan dan dua NGO yang terlibat secara langsung dalam isu perlindungan kanak-kanak dan perkahwinan bawah umur. Data dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola, tema dan subtema utama berkaitan cabaran yang dihadapi. Daripada sudut cabaran dalaman, badan kerajaan berdepan dengan isu penyelarasan had umur minimum perkahwinan, kelemahan dalam sistem pengurusan dan penyelarasan data perkahwinan bawah umur. Manakala NGO pula berhadapan dengan kekangan dana dan kekurangan sumber manusia terlatih. Cabaran luaran pula menyaksikan badan kerajaan berhadapan dengan limitasi perundangan dan kes perkahwinan melibatkan pasangan bawah umur tanpa kewarganegaraan. Pihak NGO berdepan cabaran kekukuhan amalan adat dan budaya masyarakat, cabaran geografi kawasan pedalaman, perubahan teknologi komunikasi dan kelemahan kerjasama antara pihak berkepentingan. Kajian ini menegaskan bahawa kejayaan usaha menangani perkahwinan bawah umur memerlukan pendekatan bersepadu merangkumi pembaharuan dasar, pengukuhan kapasiti institusi, penglibatan komuniti yang sensitif budaya serta kerjasama pelbagai pihak bagi memastikan perlindungan kanak-kanak dapat dilaksanakan secara berkesan dan mampan di Sabah

Kata Kunci: *Perkahwinan Bawah Umur, Badan Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Budaya*

Abstract: *This article examines the challenges faced by government agencies and non-governmental organizations (NGO) in addressing child marriage in Sabah, focusing on internal and external factors that affect the effectiveness of interventions. This study adopts an exploratory qualitative approach through semi-structured interviews with seven informants from five government agencies and two NGO directly involved in child protection and child marriage prevention. The data were analysed using thematic analysis to identify key patterns, themes, and subthemes related to implementation challenges. Internally, government agencies face issues related to the harmonisation of the minimum legal age for marriage and weaknesses in data management and coordination systems, while NGO experience constraints in funding and shortages of trained human resources. Externally, government agencies encounter legal limitations and cases involving undocumented underage couples, which complicate protection and enforcement processes. NGO, on the other hand, face challenges related to entrenched cultural norms, geographical barriers in remote areas, changes in communication technologies, and weak inter-agency collaboration. This study highlights that effective efforts to address child marriage require an integrated approach encompassing policy reform, institutional capacity strengthening, culturally sensitive community engagement, and multi-stakeholder collaboration to ensure sustainable and effective child protection in Sabah.*

Keywords: *Underage Marriage, Government Bodies, Non-Governmental Bodies, Culture*

Pengenalan

Amalan perkahwinan bawah umur masih berlaku di peringkat global dan tempatan (UNICEF, 2022). Isu ini didorong oleh ketidaksamaan jantina, kemiskinan, norma sosial dan ketidaktentuan keselamatan serta meninggalkan impak negatif terhadap kesejahteraan kanak-kanak di seluruh dunia (Girls Not Brides, 2025). Walaupun begitu, masih terdapat beberapa negara Islam yang membenarkan amalan ini berlaku, termasuk Malaysia (Mohd Al Adib et al., 2023). Di Sabah, kes perkahwinan bawah umur menunjukkan trend penurunan, namun penurunan tersebut berlaku secara perlahan (Roben, 2020). Keadaan ini menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak, khususnya badan kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat secara langsung dalam usaha pencegahan dan intervensi. Meskipun wujud pelbagai inisiatif serta kerjasama antara pihak berkepentingan, pelaksanaannya masih bersifat terpisah dan kurang menunjukkan hasil yang signifikan dalam mengurangkan amalan perkahwinan bawah umur (KPWKM, 2020). Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis cabaran yang dihadapi oleh badan kerajaan dan NGO dalam menangani isu perkahwinan bawah umur di Sabah yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan dasar dan intervensi sosial isu ini dalam masyarakat. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman mendalam berkenaan cabaran yang dihadapi agensi dalam usaha melindungi kanak-kanak dan membanteras perkahwinan bawah umur secara mampan di Sabah.

Perbincangan Teori

Teori perubahan (*Theory of Change*, ToC) digunakan dalam artikel ini sebagai kerangka konseptual untuk menganalisis cabaran yang dihadapi oleh badan kerajaan dan NGO dalam menangani isu perkahwinan bawah umur di Sabah. Teori ini merupakan kerangka strategik yang membantu merancang, melaksanakan dan menilai intervensi sosial secara sistematik serta menerangkan bagaimana dan mengapa sesuatu intervensi dijangka membawa perubahan yang diinginkan (UNDG, 2025). Kajian oleh Dube et al. (2024) menunjukkan bahawa ToC bukan

sahaja berkesan dalam perancangan intervensi, malah penting dalam pemantauan pelaksanaan dan penilaian hasil program. Keberkesanan teori ini bergantung kepada penglibatan pihak berkepentingan serta kejelasan indikator kejayaan, sekali gus menjadikannya sesuai diaplikasikan dalam isu sosial kompleks seperti perkahwinan bawah umur yang melibatkan pelbagai aktor (Taplin dan Clark, 2012).

Dalam konteks perubahan sosial, ToC berkait rapat dengan transformasi norma, nilai dan struktur masyarakat (Girls Not Bride, 2025). Perubahan ini boleh berlaku secara revolusi atau evolusi (Robiah dan Chong, 2019) dan berlaku akibat ketidaksesuaian unsur dalam masyarakat. Oleh itu, ToC sesuai digunakan untuk memahami dan mengurus perubahan tingkah laku dalam isu sensitif seperti perkahwinan bawah umur, khususnya di Sabah yang mempunyai konteks sosial dan geografi yang kompleks. Teori perubahan digunakan dalam artikel ini untuk menganalisis bagaimana cabaran dalaman dan luaran badan kerajaan dan NGO mempengaruhi keberkesanan intervensi dalam mengurangkan perkahwinan bawah umur. Faktor seperti tekanan budaya, pengaruh keluarga, kemiskinan dan pendidikan rendah dikenal pasti sebagai punca utama kepada isu ini (Roben, 2020). Kesan seperti masalah kesihatan, kitaran kemiskinan dan keciciran sekolah merupakan *negative outcomes* yang perlu ditangani melalui intervensi berstruktur dan bersepadu. Secara keseluruhannya, ToC berfungsi sebagai kompas strategik yang membantu badan kerajaan dan NGO menyelaraskan tindakan secara kolektif dalam menangani cabaran perkahwinan bawah umur di Sabah.

Sorotan Literatur

Fenomena perkahwinan bawah umur terus menjadi polemik dalam usaha kerajaan mencapai matlamat pembangunan mampan kerana implikasinya terhadap keciciran pendidikan, kesihatan, keganasan rumah tangga, kadar kematian dan pencapaian indeks pembangunan manusia. Kajian oleh Wiwie Heryani et al. (2021) menegaskan peranan penting kerajaan tempatan dalam melindungi hak kanak-kanak melalui pendekatan undang-undang dan pelaksanaan program mesra kanak-kanak yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dari peringkat perancangan hingga penilaian. Namun, keberkesanan intervensi ini bergantung kepada mekanisme pelaksanaan yang sistematik dan penyelarasan antara sektor.

Kajian UNICEF (2018) di beberapa negara sedang membangun seperti Ethiopia, Bangladesh dan Malawi menunjukkan bahawa badan kerajaan memainkan peranan utama dalam memperkukuh undang-undang, dasar dan program berkaitan pendidikan, perlindungan undang-undang serta sokongan ekonomi bagi mengurangkan perkahwinan bawah umur. Walau bagaimanapun, kajian ini turut menekankan bahawa penguatkuasaan yang tidak konsisten serta cabaran menembusi norma budaya yang kuat membataskan keberkesanan intervensi berasaskan kerajaan semata-mata. Untuk itu, penglibatan komuniti setempat secara lebih menyeluruh amat diperlukan. Menurut UNICEF dan UNFPA (2015), usaha kerajaan Vietnam termasuk program pendidikan yang meningkatkan kesedaran undang-undang dan perlindungan kanak-kanak memainkan peranan penting dalam usaha untuk mengurangkan perkahwinan kanak-kanak, tetapi keberkesanannya bergantung kepada penyesuaian terhadap konteks tempatan dan penglibatan aktif masyarakat serta organisasi bukan kerajaan. Kajian WHO (2018) menunjukkan bahawa tindakan intervensi multi-sektor di peringkat negeri dan daerah di India berjaya merangsang tindakan bersama antara kerajaan dan NGO dalam mencegah perkahwinan kanak-kanak, dengan kerjasama antara sektor di peringkat kampung dan daerah melalui pendekatan yang disesuaikan mengikut konteks tempatan.

Dalam konteks peranan NGO, Rashidah dan Ahmad (2016) menegaskan bahawa NGO di Malaysia memainkan peranan penting sebagai pengantara dalam pelaksanaan program kesejahteraan masyarakat, namun berhadapan dengan kekangan dana dan sokongan kerajaan yang terhad. Kajian Chirwa dan Moyo (2019) di Malawi pula menunjukkan bahawa usaha yang dilakukan oleh NGO berkesan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat, menyediakan sokongan sosial dan menjalankan advokasi undang-undang. Namun begitu, kekangan sumber serta kebergantungan kepada dana asing menjejaskan kelangsungan program dan keupayaan menembusi norma sosial yang masih kukuh dalam masyarakat. Seterusnya, kajian Noraini, Hassan dan Ismail (2018) mendapati walaupun undang-undang di Malaysia menetapkan umur minimum perkahwinan, kelemahan penguatkuasaan dan pengecualian tertentu membolehkan perkahwinan bawah umur terus berlaku. Kajian tersebut menekankan keperluan sistem pemantauan yang lebih berkesan, peluasan program pendidikan dan sokongan sosial, namun kurang meneliti cabaran birokrasi dan kekangan sumber yang dihadapi oleh agensi kerajaan. Dalam kajian Mohd Al Adib, Nurhafilah dan Helmia (2024) menunjukkan bahawa NGO di Malaysia memainkan peranan penting dalam pendidikan masyarakat dan kerjasama dengan kerajaan, tetapi turut berhadapan kekangan dana tetap dan pengaruh terhad dalam pembuatan dasar yang seterusnya menuntut strategi kolaborasi yang lebih sistematik.

Dalam konteks Sabah, Roben (2020) mendapati bahawa badan kerajaan tempatan melaksanakan pelbagai program pendidikan dan bantuan kewangan dalam menangani perkahwinan bawah umur dalam kalangan komuniti orang asal. Namun, kurangnya koordinasi antara agensi kerajaan, NGO dan komuniti serta kekangan sumber telah menghadkan keberkesanan program yang dijalankan. Kajian beliau mencadangkan pengukuhan kerjasama multi-sektoral dan pemberdayaan komuniti sebagai pendekatan penting ke arah menangani cabaran perkahwinan bawah umur secara lebih berkesan dan mampan di Sabah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk penerokaan bagi meneroka cabaran yang dihadapi oleh badan kerajaan dan NGO dalam menangani isu perkahwinan bawah umur di Sabah. Pendekatan kualitatif dipilih kerana membolehkan pemahaman mendalam terhadap fenomena sosial yang kompleks merangkumi dimensi budaya, agama, sosioekonomi dan perundangan. Kaedah ini juga sesuai untuk mengkaji perubahan organisasi dan pengalaman pihak berkepentingan secara reflektif serta kontekstual (Bryant, 2006; Patton, 2002). Kajian ini dijalankan di Sabah, sebuah negeri yang mempunyai kepelbagaian etnik, budaya dan struktur perundangan berkaitan perkahwinan. Sabah turut mencatatkan antara jumlah kes perkahwinan bawah umur tertinggi di Malaysia (UNICEF, 2022; DOSM, 2022), menjadikannya lokasi yang signifikan untuk meneroka cabaran pelaksanaan intervensi yang dihadapi badan kerajaan dan NGO.

Kaedah persampelan bertujuan digunakan bagi memilih organisasi yang terlibat secara langsung dalam isu perkahwinan bawah umur. Pemilihan ini berasaskan kriteria penglibatan aktif dalam kebajikan kanak-kanak dan wanita serta kerja sosial berkaitan perkahwinan bawah umur. NGO yang dipilih merupakan organisasi sukarela, bukan berasaskan keuntungan, tidak berunsur jenayah dan tidak bersifat politik (Makmor Tumin & Robi Nurhadi, 2007). Seramai tujuh orang informan terlibat dalam kajian ini, terdiri daripada lima wakil badan kerajaan dan dua wakil NGO. Badan kerajaan yang terlibat termasuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (JPKA), Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Mahkamah Anak Negeri Kota Kinabalu (MAN KK) dan Mahkamah Tinggi

Syariah Kota Kinabalu. Manakala NGO yang terlibat ialah PACOS Trust dan Sabah Women's Action-Resource Group (SAWO).

Temu bual secara mendalam menggunakan soalan separa berstruktur digunakan untuk memperoleh data. Penggunaan kaedah ini membolehkan informan menghuraikan pengalaman dan pandangan mereka secara terbuka. Di samping itu, pemerhatian turut dilakukan terhadap aktiviti berkaitan kempen, bengkel dan program intervensi yang dijalankan oleh organisasi terbabit. Data sekunder pula diperoleh daripada dokumen rasmi, laporan dasar, statistik, kajian terdahulu dan bahan media berkaitan perkahwinan bawah umur. Instrumen kajian termasuk protokol temu bual, borang persetujuan etika, perakam audio dan catatan lapangan. Tempoh temu bual berlangsung antara 20 minit hingga satu jam 40 minit. Enam informan bersetuju untuk rakaman audio, manakala seorang informan NGO memilih temu bual tanpa rakaman, yang direkodkan secara manual. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006) yang melibatkan proses transkripsi verbatim, pembacaan berulang, pengekodan data, pembentukan tema dan subtema yang berkaitan dengan objektif kajian. Kaedah triangulasi sumber digunakan melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Kajian ini turut mematuhi prinsip etika penyelidikan dengan mendapatkan kelulusan rasmi dan persetujuan termaklum daripada semua informan. Identiti informan dirahsiakan, penyertaan adalah secara sukarela dan semua data disimpan secara selamat. Pendekatan kualitatif berbentuk penerokaan melalui persampelan bertujuan, temu bual mendalam dan analisis tematik didapati sesuai untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh badan kerajaan dan NGO dalam menangani perkahwinan bawah umur di Sabah. Reka bentuk kajian ini membolehkan pemahaman menyeluruh terhadap realiti yang perlu dilalui oleh badan kerajaan dan NGO dalam pelaksanaan dasar dan intervensi sosial dalam konteks budaya dan geografi Sabah yang unik.

Perbincangan Penemuan Kajian

Kajian ini membincangkan cabaran yang dihadapi oleh badan kerajaan dan NGO dalam menangani isu perkahwinan bawah umur di Sabah melalui dua dimensi utama, iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran. Dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua jenis organisasi ini bergerak dalam konteks yang kompleks melibatkan undang-undang, budaya, geografi dan sumber organisasi, sekali gus mempengaruhi keberkesanan usaha intervensi yang dijalankan.

Cabaran Dalaman Dihadapi Badan Kerajaan

Kajian ini mengenalpasti dua cabaran utama yang dihadapi badan kerajaan dalam isu perkahwinan bawah umur di Sabah. Cabaran utama badan kerajaan ialah penyelarasan had umur minimum perkahwinan. Pertembungan antara undang-undang sivil, syariah dan adat khususnya di Sabah yang mempunyai keistimewaan undang-undang adat, mewujudkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat dan pelaksana dasar. Walaupun terdapat usaha untuk menyeragamkan had umur minimum perkahwinan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perbezaan kefahaman agama, adat dan budaya menghalang pembentukan konsensus yang kukuh. Kajian ini mendapati perkahwinan bawah umur yang masih dibenarkan di bawah undang-undang adat di negeri Sabah, terutamanya dalam konteks Mahkamah Anak Negeri membuka ruang dan peluang bagi segelintir individu mengambil kesempatan dalam amalan ini. Kewujudan pengaruh adat menyebabkan kesukaran untuk menyelaraskan undang-undang negara dan undang-undang adat terutamanya dalam menetapkan had umur minima dalam perkahwinan. Hal ini dijelaskan oleh Informan 1 yang Mahkamah Anak Negeri Kota Kinabalu seperti di bawah:

Keperluan untuk kasi (beri) selaras memang harus tapi susah kerna (kerana) kita di sini banyak adat dan tak semudah itu, setiap pemimpin atau ketua adat akan pertikai dan pertahan adat. Bukan mudah mau (mahu) kasi (beri) dorang (mereka) jadi ikut satu seja (sahaja) tetapan yang kita mau (mahu) buat. Contoh mau (mahu) selaras had umur perkahwinan, akan perlu banyak dialog budaya sama undang-undang.’

(Informan 1, Mahkamah Anak Negeri Kota Kinabalu)

Jelas daripada huraian informan di atas, wujud pertembungan dan pertindihan undang-undang yang memungkinkan berlaku implikasi kepada individu yang terlibat dalam perkahwinan bawah umur terutama kanak-kanak yang masih belum matang dari segi emosi, fizikal dan mental. Bahkan, perubahan pemikiran dan kesedaran setiap pihak menanggapi isu ini adalah perlahan kerana masyarakat di Sabah yang masih menjunjung tinggi setiap amalan dan tradisi. Meskipun berkahwin bawah umur memberi kemudahan, namun adat masyarakat di Sabah tidak menetapkan had umur minima perkahwinan kerana bersifat lebih fleksibel dan mudah beradaptasi mengikuti persekitaran sosial dan ekonomi setempat. Informan 1 menambah:

‘Amalan kawin (kahwin) usia muda ini sudah turun temurun, tiada peraturan jelas ditetapkan dalam kita punya undang adat. Hampir semua etnik percaya bahawa kawin (kahwin) ini adalah bergantung pada kematangan individu itu. Selain mengukuhkan hubungan keluarga atau ekonomi. Memang tidak ada had umur tapi sebelum berkahwin, ditetapkan dahulu apa syarat-syarat dan perkara seperti harta, sekiranya berlaku begini, apa jadi, begini apa jadi atau *sogit* begitu, jadi tiada masalah juga jika kawin (kahwin) awal. Contohnya, dia pukul isteri dia, ada denda dia.’

(Informan 1, Mahkamah Anak Negeri Kota Kinabalu)

Jelasnya, amalan perkahwinan bawah umur telah berlaku sejak dahulu lagi dan diwarisi secara turun temurun dalam masyarakat di Sabah. Walaupun tiada had umur minima perkahwinan bawah umur ditetapkan dalam undang-undang adat, namun hak kanak-kanak atau individu masih dipelihara melalui institusi adat dan beberapa konsep lain seperti *sogit*. *Sogit* berfungsi sebagai mekanisme yang melindungi hak dan kepentingan serta kebajikan selain memastikan perkahwinan yang dijalankan tidak mendatangkan kerugian atau kemudahan kepada kanak-kanak. Namun begitu, perlindungan ini juga bergantung kepada perlaksanaan dan penafsiran berbeza mengikut etnik di Sabah. Selain terdapat kekurangan daripada konsistensi undang-undang dan fleksibel adat yang mudah disalahgunakan. Amalan ini lebih sering berlaku dalam masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar (UNICEF, 2022). Kanak-kanak perempuan khususnya kurang mendapat pendedahan terhadap hak mereka apabila berkahwin pada usia yang masih muda menyebabkan mereka tidak cakna dengan hak-hak yang seharusnya diketahui dan diperolehi. Keadaan ini sejajar dengan Teori Perubahan yang menegaskan bahawa perubahan sosial memerlukan proses berperingkat yang mengambil kira konteks struktur dan budaya setempat (Dube et al., 2024).

Cabaran dalaman kedua yang dilalui oleh badan kerajaan berhubung isu perkahwinan bawah umur adalah penyelarasan data perkahwinan bawah umur. Ketiadaan sistem pangkalan data bersepadu antara agensi utama khususnya Mahkamah Anak Negeri, Jabatan Pendaftaran Negara dan badan berkaitan menyukarkan pemantauan kes, sekali gus membuka ruang kepada pertindihan perkahwinan dan konflik undang-undang. Keadaan ini dijelaskan oleh Informan 1 seperti berikut:

‘...susah kita mau (mahu) track sebab setiap mahkamah lain dia punya rekod dan kalau kita mau (mahu) kumpul, lama jadi. Kalau teratur atau ada data dalam online, kita boleh tau (tahu) juga tempat mana begini begitu mau (mahu) ambil berat...’

(Informan 1, Mahkamah Anak Negeri Kota Kinabalu)

Situasi ini bukan sahaja membebankan institusi kerajaan, malah memberi implikasi jangka panjang kepada kebajikan kanak-kanak yang terlibat. Oleh itu, keperluan kepada sistem pendaftaran bersepadu dilihat sebagai langkah kritikal dalam memperkukuh tadbir urus dan perlindungan kanak-kanak.

Cabaran Dalaman Dihadapi Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Kajian ini mendapati NGO turut berhadapan dengan dua cabaran utama seperti badan kerajaan tetapi berbeza daripada segi bentuk cabaran. Kekangan dana merupakan cabaran utama yang perlu dihadapi NGO dalam melaksanakan program advokasi dan intervensi, khususnya di kawasan luar bandar Sabah yang memerlukan kos logistik yang tinggi. Walaupun NGO memainkan peranan penting dalam pendidikan komuniti dan perlindungan hak kanak-kanak, kebergantungan kepada dana luar, termasuk organisasi antarabangsa, mengehendkan kesinambungan program jangka panjang. Hal ini diuraikan Informan 2 seperti berikut:

‘*Mostly funding kami based on proposal yang kami tulis. Ada funding dapat dari local macam Yayasan Hasanah, Hong Leong Bank Foundation. Kalau international macam dari UNDP dan EU. Biasanya kalau dari government tiada. Gaji tu termasuk dalam proposal biasanya kalau cari funding tu dia ada admin cost dan activity cost.*’

(Informan 2, PACOS Trust)

Keadaan ini menunjukkan bahawa NGO yang tidak bermatlamatkan keuntungan amat bergantung kepada dana dan sumbangan awam untuk menampung operasi mereka. Dalam konteks kajian ini, kekangan dana merupakan isu yang signifikan dan memberi impak besar terhadap pelaksanaan usaha-usaha advokasi oleh NGO. Walau bagaimanapun, cabaran kewangan ini membataskan skop dan keberlangsungan aktiviti mereka, khususnya yang melibatkan tempoh pelaksanaan dan akses ke kawasan pedalaman di Sabah.

Selain itu, NGO turut berhadapan dengan kekurangan sumber manusia khususnya sukarelawan yang komited dan berkemahiran. Cabaran ini menurut NGO telah menjejaskan keberkesanan pelaksanaan program. Temu bual bersama informan mendapati generasi muda dilihat kurang berminat terlibat dalam kerja kesukarelawanan akibat faktor ekonomi, perubahan gaya hidup dan tekanan kerja. Menurut Informan 3, wakil dari SAWO:

‘*Youngster nowadays jarang mau ikut jadi sukarelawan dalam NGO sebab upah yang sedikit. Jika mereka tahu dengan ikut NGO, there’s a lot opportunity they can get dan dari situlah mereka akan gain knowledge and sharp their skills.*’

(Informan 3, SAWO)

Situasi ini menunjukkan bahawa pembangunan kapasiti manusia merupakan elemen penting dalam memastikan kelestarian intervensi sosial yang digerakkan NGO. Hal ini selaras dengan prinsip Teori Perubahan yang menekankan kepentingan sumber organisasi dalam mencapai hasil yang diinginkan.

Cabaran Luaran yang Dihadapi Badan Kerajaan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa badan kerajaan berdepan cabaran luaran yang ketara, khususnya limitasi undang-undang dan kes perkahwinan bawah umur melibatkan individu tanpa kewarganegaraan. Walaupun terdapat kesedaran dalam kalangan pegawai awam di Sabah tentang keperluan menaikkan had umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun, perubahan undang-undang memerlukan proses perundangan yang panjang dan persetujuan pelbagai pihak, termasuk pemimpin adat dan agama. Keadaan ini mengehadkan keupayaan badan kerajaan untuk bertindak secara lebih tegas dan menyeluruh. Menjelaskan hal ini, Informan 4 mengatakan:

‘Jika boleh naikkan, perlu untuk kasi (beri) sama 18 tahun. Sebab kita mau kanak-kanak ni dapat habiskan SPM. Sijil tu minima untuk dia guna untuk kerja, kalau nda da (tidak ada) sijil, gaji pun dia nda (tidak) dapat seperti mana orang lain, kasian (kasihan).’

(Informan 4, JHEAINS)

Selain itu, cabaran luaran berkaitan isu perkahwinan bawah umur yang dihadapi oleh badan kerajaan adalah perkahwinan yang melibatkan pasangan tanpa kewarganegaraan. Hal ini menimbulkan cabaran besar dalam aspek pendaftaran perkahwinan, perlindungan undang-undang dan akses kepada hak asas seperti pendidikan dan kesihatan. Situasi ini bukan sahaja menjejaskan kebajikan kanak-kanak, malah berpotensi mewujudkan masalah rentas generasi, sekali gus meningkatkan beban terhadap institusi kerajaan dalam jangka panjang. Menurut informan, pasangan yang tidak mempunyai kewarganegaraan sering kali berasal daripada keluarga yang berlatarbelakang sosioekonomi rendah atau berada dalam status migrasi yang tidak sah.

Cabaran Luaran Dihadapi Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Bagi NGO, cabaran luaran utama yang dihadapi dalam usaha menangani isu perkahwinan bawah umur adalah kekukuhan adat dan budaya, bentuk muka bumi Sabah yang mencabar, perubahan teknologi dan kurangnya kerjasama pihak berkepentingan. Keutuhan adat dan norma budaya yang menganggap perkahwinan bawah umur sebagai amalan biasa menyukarkan usaha advokasi, khususnya apabila perkahwinan digunakan sebagai mekanisme menyelesaikan masalah kemiskinan, konflik keluarga atau isu kehormatan. Kajian juga menemukan situasi kanak-kanak yang dijadikan sebagai ganti rugi kepada wang yang dipinjam. Menurut informan, hal ini berlaku dalam kalangan keluarga miskin tegar seperti yang dijelaskan di bawah:

“Nanti, kau punya anak dalam perut tu kasi kahwin sama saya, hutang boleh langasai.”

(Informan 3, SAWO)

Selain itu, bentuk muka bumi Sabah yang luas dan bergunung-ganang meningkatkan kos operasi dan mengehadkan capaian NGO ke kawasan pedalaman. Walaupun penggunaan teknologi membantu penyampaian maklumat, jurang literasi ICT dan akses infrastruktur, khususnya dalam kalangan komuniti luar bandar dan warga emas, menghadkan keberkesanan pendekatan digital. Dalam masa yang sama, kurangnya kerjasama strategik antara NGO, agensi kerajaan dan sektor swasta mengurangkan impak kolektif usaha pencegahan dan intervensi perkahwinan bawah umur.

Penutup

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh badan kerajaan dan NGO dalam menangani isu perkahwinan bawah umur di Sabah bersifat kompleks, multidimensi dan saling berkait antara faktor dalaman dan luaran. Badan kerajaan lebih terkesan oleh kekangan struktur perundangan, dualisme sistem undang-undang dan isu penyelarasan dasar, NGO sebaliknya pula berdepan cabaran berkaitan kekangan sumber, geografi dan penerimaan sosial komuniti setempat. Perbezaan bentuk dan tahap cabaran ini menuntut pendekatan intervensi yang bersifat kolaboratif, bersepadu dan sensitif terhadap konteks tempatan. Walaupun berhadapan dengan pelbagai kekangan, dapatan kajian menunjukkan bahawa badan kerajaan dan NGO memainkan peranan yang saling melengkapi dalam melindungi kebajikan kanak-kanak melalui pendekatan perundangan, pendidikan, advokasi dan pemerkasaan komuniti. Namun demikian, keberkesanan intervensi masih dipengaruhi secara signifikan oleh kekukuhan norma budaya, kemiskinan struktur serta rasional keluarga yang membentuk keputusan terhadap amalan perkahwinan bawah umur. Selaras dengan Teori Perubahan, keberkesanan usaha menangani isu ini bergantung kepada pemetaan konteks sosial yang tepat, pengukuhan kapasiti organisasi, penyelarasan dasar yang konsisten serta penglibatan aktif komuniti dan pihak berkepentingan (Dube et al., 2024). Justeru, pengiktirafan terhadap cabaran-cabaran ini bukan sahaja penting untuk memperkukuh strategi sedia ada, malah membuka ruang kepada pembangunan intervensi dan inovasi sosial yang lebih inklusif, bersepadu dan mampan bagi memastikan perlindungan hak serta kebajikan kanak-kanak dapat direalisasikan secara berkesan di Sabah.

Rujukan

- Bryant, M. (2006). Talking about change: Understanding employee responses through qualitative research. *Management Decision*, 44(2), 246–258.
- Chirwa, W., & Moyo, T. (2019). The role of NGOs in combating child marriage in Malawi. *African Journal of Development Studies*, 26 (4), 375–390. <https://doi.org/10.4321/ajds.2019.026>.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (Eds.). (2009). *Handbook of qualitative research* (Terj. Dariyatno et al.). Pustaka Pelajar.
- Department of Statistics Malaysia. (2022). *Marriage and divorce statistics, Malaysia, 2022*. <https://www.dosm.gov.my>
- Dube, A., Mwandira, K., Akter, K., Khatun, F., Lemma, S., Seruwagi, G., QCN Evaluation Group, Shawar, Y. R., Djellouli, N., Mwakwenda, C., English, M., & Colbourn, T. (2024). Evaluating theory of change to improve the functioning of the network for improving quality of care for maternal, newborn and child health. *PLOS Global Public Health*, 4(8), e0003532. <https://doi.org/10.1371/journal.pgph.0003532>.
- Girls Not Brides. (2018). UNICEF global estimates of child marriage 2018. <https://www.girlsnotbrides.org/articles/unicef-global-estimates-of-child-marriage-2018/>.
- Girls Not Brides. (2025). About child marriage. <https://www.girlsnotbrides.org/about-child-marriage/>.
- Ismail, A. (2021). Peranan dan sumbangan NGO wanita sewaktu pandemik COVID [Conference presentation]. Bicara Dakwah kali ke-22, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI UKM. SlideShare. <https://www.slideshare.net/slideshow/peranan-dan-sumbangan-ngo-wanita-sewaktu-pandemik-covid/270145970>
- Makmor Tumin, & Robi Nurhadi. (2007). Sejarah dan perkembangan badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia. *Jurnal Sejarah*, 15(15), 161–176.

- Malaysia Gazette. (2022, March 23). KPWKM committed in tackling child marriage. <https://malaysiagazette.com/2022/03/23/kpwkm-committed-tackling-child-marriage/>.
- Mohd Al Adib Samuri, and Nurhafilah Musa, and Helmiyah Abd Razak, (2024) *Malaysian Civil Society Organizations (CSOs) perspective on child marriage*. *AKADEMIKA*, 94 (1). pp. 266-280.
- Mohd Al Adib Samuri, Abdol Malek, M. A.-G., Alias, M. N., & Hopkins, P. (2021). Hadith of Aisha's marriage to Prophet Muhammad: An Islamic discourse on child marriage. *International Journal of Islamic Thought*.
- Noor Aziah Mohd Awal, & Mohd Al Adib Samuri. (2018). Child marriage in Malaysia: A working paper. UNICEF Malaysia. <https://www.unicef.org/malaysia/media/711/file/Child%20marriage%20in%20Malaysia.pdf>.
- Noraini Ahmad, S., Hassan, R., & Ismail, M. (2018). Social and educational implications of child marriage among teenage girls in Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences*, 12(2), 45–60.
- Patton, M. Q. (2002). Two decades of developments in qualitative inquiry: A personal, experiential perspective. *Qualitative Social Work*, 1(3), 261–283. <https://doi.org/10.1177/1473325002001003636>.
- Roben Well. (2020). Kajian dasar berkaitan perkahwinan bawah umur 18 tahun dalam kalangan Orang Asal di lima daerah, Sabah. PACOS Trust.
- Rashidah Abd Rahman, & Ahmad Farid. (2016). Role of NGOs in addressing child marriage in Malaysia: Challenges and opportunities. *Journal of Malaysian Studies*, 34 (1), 112–130.
- Rohani, M. M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap kesediaan pelajar dalam penggunaan teknologi, pedagogi dan kandungan (TPACK). Dalam *Proceedings of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*. Pulau Pinang.
- Samuri, M. A. A., Musa, N., & Abd Razak, H. (2024). Malaysian civil society organizations (CSOs) perspective on child marriage. *Akademika*, 94(1), 266–280. <https://ejournal.ukm.my/akademika/issue/view/1701>.
- UNICEF. (2019). Child marriage in Malaysia. <https://www.unicef.org/malaysia/reports/child-marriage-malaysia>.
- UNICEF. (2020). Child marriage database. <https://data.unicef.org/topic/child-protection/child-marriage/>.
- UNICEF. (2022). About the child marriage monitoring mechanism. <https://data.unicef.org/resources/about-the-child-marriage-monitoring-mechanism-video/>.
- UNICEF. (2022). The power of education to end child marriage. United Nations Children's Fund. <https://www.unicef.org>.
- UNICEF Vietnam & UNFPA Vietnam. (2015). *Understanding child marriage in Viet Nam: Ending child marriage – empowering girls*. UNICEF Vietnam. <https://www.unicef.org/vietnam/media/2406/file/Ending%20child%20marriage%20empowering%20girls.pdf>
- Wiwie Heryani, Ratnawati, Wahyuni, A. S., Anas, A. M. A., Musakkir, A. D. F., & Ahmad, A. R. (2021). The role of local government in preventing early childhood marriage. *Awang Long Law Review*, 4(1), 124–133. <https://doi.org/10.56301/awl.v4i1.249>